




JABATAN KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 23,
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR),
PETI SURAT 3007
10990 PULAU PINANG
TEL : 604-262 3505 (PEJABAT AM)
FAKS : 604-263 0725
604-261 4399



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO. QMS 02304



Ruj. Kami : JKNPP/(S)05/09/1 Jld. 2 (22)
Tarikh : 30 Mac 2020
5 Syaaban 1441H

Ketua-Ketua Jabatan Negeri
Pulau Pinang

Ketua-Ketua Badan Berkanun Negeri
Pulau Pinang

Ketua-Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Pulau Pinang

YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Dr/ Ir/ Tuan/ Puan,

GARIS PANDUAN PEROLEHAN DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988 (AKTA 342) DAN AKTA POLIS 1967

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat jabatan ini rujukan JKNPP/(S)05/09/1 Jld.2(21) bertarikh 18 Mac 2020 adalah berkaitan.

2. Susulan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 25 Mac 2020 berhubung Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan akan dilanjutkan sehingga 14 April 2020, maka Jabatan/Agensi diminta mematuhi peraturan dengan menangguhkan semua perancangan dan urusan perolehan yang tidak kritikal bagi memastikan rantai penularan wabak COVID-19 di negara ini dapat dihentikan.

3. Sehubungan dengan itu, jabatan ini juga menetapkan pengecualian pematuhan kepada peraturan perolehan melalui kaedah sebut harga/tender seperti berikut:

Ruj. Kami : JKNPP/(S)05/09/1 Jld. 2 (22)
Tarikh : 30 Mac 2020
5 Syaaban 1441H

GARIS PANDUAN PEROLEHAN DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988 (AKTA 342) DAN AKTA POLIS 1967

i. Pelanjutan Tempoh Sah Laku Sebut Harga/Tender

- Ketua Jabatan/Agensi dibenarkan untuk melanjutkan tempoh sah laku sebut harga/tender untuk tempoh **tidak melebihi 30 hari dari tarikh tamat tempoh sah laku asal.**
- Semua penyebut harga/petender yang telah membeli dokumen sebut harga/tender juga hendaklah dimaklumkan mengenai lanjutan tempoh sah laku tersebut.
- Jika keputusan tidak dibuat dalam tempoh pelanjutan sah laku tawaran, sebut harga/tender hendaklah dipelawa semula.

ii. Pelanjutan Tarikh Tutup Iklan Sebut Harga/Tender

- Ketua Jabatan/Agensi dibenarkan untuk melanjutkan tarikh tutup iklan sebut harga/tender yang telah dijadualkan dalam tempoh PKP **ke suatu tarikh yang bersesuaian.**
- Maklumat tarikh tutup iklan sebut harga/tender yang baharu hendaklah dikemaskini dalam Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (Sistem sysP).
- Semua penyebut harga/petender yang telah membeli dokumen sebut harga/tender juga hendaklah dimaklumkan mengenai lanjutan tempoh pengiklanan tersebut.

iii. Perubahan Tarikh Taklimat/Lawatan Tapak Sebut Harga/Tender

- Ketua Jabatan/Agensi dibenarkan untuk membuat perubahan tarikh taklimat/lawatan tapak bagi sebut harga/tender yang telah dijadualkan dalam tempoh PKP **ke suatu tarikh yang bersesuaian.**
- Maklumat tarikh taklimat/lawatan tapak sebut harga/tender yang baharu hendaklah dikemaskini dalam Sistem sysP.

Ruj. Kami : JKNPP/(S)05/09/1 Jld. 2 (22)
Tarikh : 30 Mac 2020
5 Syaaban 1441H

iv. Pelanjutan Tempoh Bantahan Ke Atas Keputusan Lembaga Perolehan Negeri/Jawatankuasa Sebut Harga

- Ketua Jabatan/Agensi dibenarkan untuk melanjutkan tempoh bantahan ke atas keputusan Lembaga Perolehan Negeri/Jawatankuasa Sebut Harga yang telah dijadualkan tamat dalam tempoh PKP **ke suatu tarikh yang bersesuaian.**
- Maklumat tarikh tamat tempoh bantahan sebut harga/tender yang baharu hendaklah dikemaskini dalam Sistem sysP
- Semua penyebut harga/petender yang telah menyertai sebut harga/tender juga hendaklah dimaklumkan mengenai lanjutan tempoh bantahan tersebut.

4. Untuk makluman YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Dr/ Ir/ Tuan/ Puan, jabatan ini juga telah memuatnaik notis penangguhan urusan di Portal Sistem sysP bahawa tarikh taklimat/ lawatan tapak, tarikh tutup, tarikh tamat tempoh bantahan bagi sebut harga/ tender yang telah dijadualkan dalam tempoh PKP adalah ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Oleh itu, Jabatan/Agensi hendaklah mengemukakan maklumat tarikh baharu bagi perkara di perenggan 3(ii) hingga 3(iv) di atas melalui emel ep@penang.gov.my bagi tujuan mengemaskini tarikh baharu tersebut dalam Sistem sysP.

5. Oleh yang demikian, dipohon kerjasama YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Dr/ Ir/ Tuan/ Puan, untuk mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya serta memaklumkan kepada semua pegawai dan kakitangan di bawah kawalan dan seliaan YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Dr/ Ir/ Tuan/ Puan mengenai **pemakaian garis panduan ini dalam tempoh PKP dikuatkuasakan oleh Kerajaan.** Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini atau berkaitan urusan perolehan boleh dikemukakan melalui emel berikut :

- Puan Zuraida binti Zainol – zuraidaz@penang.gov.my
- Puan Helina Yasmin binti Mohd Rauf – helina@penang.gov.my

Sekian, terima kasih.

“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' SARUL BAHYAH BINTI HAJI ABU)

Pegawai Kewangan Negeri

Pulau Pinang

☎ 04-6505183

✉ bahiyah@penang.gov.my